



KENYATAAN / SIARAN AKHBAR

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:

Bahagian Komunikasi Korporat

Perbadanan Putrajaya

Tel: 03-88877033 Faks: 03-8881 1008

107 PESERTA BERENTAP DI KEJOHANAN KUDA LASAK PIALA PRESIDEN PERBADANAN PUTRAJAYA 2024 EDISI KE-5

PUTRAJAYA, 28 September 2024 – Kejohanan Kuda Lasak Piala Presiden Perbadanan Putrajaya 2024 telah berlangsung pada hari ini di Taman Wetland Putrajaya, Presint 13. Gimik pelepasan bagi kejohanan ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' TPr. Fadlun bin Mak Ujud, Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj). Kejohanan ini bertujuan untuk mempromosikan gaya hidup sihat di Putrajaya dan memperkenalkan trek di Taman Wetland sebagai laluan yang selamat serta lengkap dengan fasiliti untuk pelbagai aktiviti rekreatif, terutamanya aktiviti berkuda.

Kejohanan Kuda Lasak Piala Presiden 2024 telah mendapat pengiktirafan oleh *Fédération Équestre Internationale* (FEI) dan menarik sebanyak 17 penyertaan dari agensi kerajaan seperti Unit Berkuda PDRM, ATM dan kelab ekuin persendirian. Penyertaan yang diterima dari seluruh negara bakal menguji kemahiran, mental peserta serta ketahanan kuda masing-masing melalui trek lasak sepanjang 40 kilometer mengelilingi Taman Wetland Putrajaya.

Kejohanan ini menawarkan hadiah wang tunai berdasarkan kuda yang mendapat markah kondisi atau *parameter* terbaik. Tempat pertama akan membawa pulang wang tunai RM1,500 beserta piala. Manakala, bagi naib juara pula akan menerima wang tunai RM1,000, tempat ketiga RM700 dan tempat keempat hingga kesepuluh akan menerima sebanyak RM200. PPj juga turut menyediakan lebih 30 hadiah cabutan bertuah kepada para peserta.

Perbadanan Putrajaya berbesar hati dapat meraikan peminat-peminat sukan kuda lasak dan mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Kelab Kuda, Pasukan Berkuda Agensi Kerajaan dan Persatuan Equestrian Malaysia serta penaja yang memberikan sokongan kepada penganjuran Kejohanan Kuda Lasak Piala Presiden Perbadanan Putrajaya 2024.

SITI FADILAH BINTI RAMLI

Pengarah (Komunikasi Korporat)

Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 27 September 2024